

Imigresen sedia 970,000 buku passport

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menyediakan 970,000 buku passport bagi tujuan pembaharuan Passport Malaysia Antarabangsa, sempena pembukaan sempadan negara 1 April ini.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata jumlah itu dijangka mencukupi sehingga Julai tahun ini bagi kegunaan rakyat negara ini yang ingin memperbaharui passport mereka untuk keluar negara.

“Bilangan unjuran ini dibuat berdasarkan kepada jumlah statistik pembaharuan passport dalam negara sebelum berlakunya pandemik COVID-19, dan pada ketika itu, jumlah rakyat kita yang memohon dan memperbaharui passport mereka setiap tahun antara 2.3 hingga 2.5 juta setahun,” katanya di saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) kelmarin.

Katanya, Malaysia akan membenarkan rakyat dan pelancong asing memasuki negara ini bermula 1 April, selepas pintu masuk sempadan negara ditutup sejak Mac 2020 bagi menangani pandemik COVID-19.

BERNAMA